


D. Y. M. M. Di-Jangka Merasmikan Pembukaan Bangunan Baru Jabatan Hal-Ehwal Ugama

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin yang pada masa ini bersemayam di luar negeri, di-jangka merasmikan pembukaan bangunan baru Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada penghujung bulan April atau pun pada awal bulan Mei tahun ini.

Demikian di-terangkan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dalam satu wawanchara dengan beliau di-Pejabat beliau yang baru pada pagi hari Ithnin yang lalu.

Sungguh pun Pegawai² dan anggota² Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah pun pindah ka-bangunan baru jabatan tersebut, ia-itu di-hadapan Masjid Omar Ali Saifuddin, akan tetapi pekerjaan memasang berbagai² kelengkapan dan sebagai-nya di-bangunan baru jabatan tersebut maseh di-teruskan lagi.



Pegawai Pemereksa Sukatan dan Timbangan, Brunei, Awang Ibrahim bin Abdul Hamid dan anggota² Jabatan beliau telah melawat ka-beberapa tempat dalam negeri ini untuk menjalankan tugas mereka. Mulai dari 14 Februari hingga ka-19 Februari, mereka bertugas di-Daerah Temburong dan mulai dari 21 Februari hingga ka-5 Mach mereka berada di-Bandar Brunei. Dalam gambar ini kelihatan Awang Ibrahim sedang memeriksa alat penimbang dalam sebuah perahu.

Mashuarat Agong P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Mashuarat Agong Persekutuan Guru² Melayu Brunei, Kali Yang Ka-18 akan di-adakan di-Dewan P.G.G.M.B., Jalan Kianggeh, Bandar Brunei pada

hari Juma'at 18 Februari, 1966.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha akan merasmikan pembukaan Mashuarat Agong PGGMB pada jam 9-30 pagi hari tersebut.

Sa-lepas di-adakan upacara tersebut, ucapan² akan di-lafadzkan oleh Yang Dipertua Agong, Persekutuan Guru² Melayu Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh; oleh Menteri Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan oleh Penasehat Agong PGGMB, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

Kemudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha akan memberi ucapan.

Majlis tersebut akan di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Awang Haji Md. Yassin bin Haji Metassim dan di-turuti dengan jamuan ringan.

Kerajaan untuk menggantikan-nya dalam tahun ini?

Jawapan Kerajaan: Ada.

PEKERJA² KUBOR

So'alan 5: Kubor² yang di-luar bandar, bila sahaja di-pan-dang layak, ada-kah rancangan Kerajaan supaya di-adakan penjaga-nya (pekerja-nya), saperti juga kubor² yang berada di-kawasan bandar?

Jawapan Kerajaan: Sa-hingga sekarang ini, hanya kubor² yang hanya dalam kawasan bandar sahaja yang di-adakan pekerja²-nya untuk membersehhkan kubor² tersebut. Mengenai kubor² yang berada di-luar bandar, perkara ini ada-lah maseh dalam perhatian.

Kursus Pertanian

KAMPONG UKONG. — Pegawai² Perkembangan Pertanian Brunei telah mengadakan lawatan ka-Kampung Ukong, Ulu Tutong untuk mengadakan Kursus Pertanian kepada ahli² Persatuan Peladang dan pen-

dudok² di-Kampung tersebut.

Kursus tersebut di-mulai pada 14 Februari dan akan berakhir pada hujung minggu ini.

Dalam kursus tersebut, ahli² (Lihat muka 8)

Persidangan M.M.D. Tutong: 5 So'alan Bertulis Di-Kemukakan

TUTONG. — Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah di-langsungkan di-Dewan Majlis Mashuarat Daerah Tutong pada 7 Februari, 1966.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh dan di-mulai dengan bacaan Do'a Selamat.

Dalam persidangan tersebut, Yang Berhormat Awang Mohamed Zain bin Serudin telah mengemukakan 5 so'alan bertulis.

So'alan² itu dan Jawapan² Kerajaan ada-lah saperti berikut:

TEMPAT² PERHENTIAN KERETA

So'alan 1 (a): Bila-kah agaknya Kerajaan membuat lagi tempat² perhentian kereta² biasa di-Bandar Tutong ini?

So'alan 1 (b): Bila sahaja Kerajaan membuat tempat²

perhentian kereta, ada-kah Kerajaan berchadang tempat perhentian kereta teksi di-khaskan pada satu tempat yang berasingan?

Jawapan Kerajaan 1 (a) dan 1 (b): Sedang di-ranchangkan.

PASAR MINGGU

So'alan 2: Tahun 1966 sudah menjelang, ada-kah pembedaan Pasar Minggu dapat di-ujud pada bahagian awal tahun ini oleh Kerajaan.

Jawapan Kerajaan: Sedang di-ranchangkan.

So'alan 3: Sudah-kah Kerajaan dapat menetapkan tapak tempat mendirikan bangunan Rumah Sakit di-Bandar Tutong ini?

Jawapan Kerajaan: Sudah ada.

So'alan 4: Jambatan² yang telah di-buat di-Jalan² Kechil, pada masa ini ada diantara-nya di-dapati perka-kas-nya telah rosak dan burok. Ada-kah persediaan

KEPUTUSAN PEPEREKSaan BAHASA MELAYU BAGI ORANG2 YANG BUKAN MELAYU

BANDAR BRUNEI—Nama2 yang di-susun di-bawah ini ada-lah calon2 yang telah berjaya (lulus) dalam peperiksaan Bahasa Melayu yang telah di-adakan pada bulan Disember, 1965:—

TINGKATAN TIGA

*Pusat Peperiksaan:
Bandar Brunei—*

1. Lee Kheng Suan; 2. Lim Seng Kok; 3. Koh Siew Eng; 4. Loh Liaw Kiat.

5. Soon Seng Lee; 6. Yong Yu Yun; 7. Chan Nyut Lin; 8. Koh Bun Thuan; 9. Rita Lim Mah Kiam.

*Pusat Peperiksaan:
Seria—*

10. Law Yick Seng; 11. Dorothy Soon; 12. Chow Yat Kin; 13. Leong Siew Foon; 14. Phang Kit Siong.

15. Leong Yat Chor; 16. Theng Shaw Ming; 17. Chong Kau Chek; 18. Yong Siew Huin; 19. Wong Cheak Kong.

20. Kok Pui Wah (Thomas); 21. Chong Yeok Han; 22. Mak Pok Wah; 23. Chung Siang Yuk; 24. Francis Chong.

25. Patricia Ling; 26. Chong Yu Yin; 27. John Chin; 28. Poul Lee; 29. Liew Sheuh Hua; 30. Khew Lan Foong.

TINGKATAN DUA

*Pusat Peperiksaan:
Bandar Brunei—*

1. Chian Thaw Hai; 2. Policaprio C. Carsola; 3. Soo Lai Moi; 4. Yapp Guan Hoe.

5. Lim Teck Hock; 6. Richard Chang Siek Ing; 7. Lim Eng Kiat; 8. See Chee Kiat.

*Pusat Peperiksaan:
Kuala Belait—*

9. Wong Mei Kwn; 10. Chiam Tan Luan; 11. Wong Kim Fatt; 12. Chiam Aye Geok; 13. Pang Lee Sin.

14. Cheong Poh Suan; 15. Ho Nyuk Yun; 16. Chong Ken Len; 17. Chung Han Ching; 18. Lam Mee Yin.

19. Lim Lian Hua; 20. Chai Moi Kui; 21. Chan Syeow Foon; 22. Chung Yit Lan.

23. Chung Hon Pin; 24. Lee Poh Keng; 25. Ng Siew Choo; 26. Tse Yun Po.

*Pusat Peperiksaan:
Seria—*

27. Molly Goh Too Kiaw; 28. Francis Thing Kok Hon; 29. Chu Shing Fatt; 30. Chong Seow Woh; 31. Chan Kah Seng.

32. Lee Nyuk Siew; 33. Liew Chai Lai; 34. Liew Wah Ming; 35. Low Heng Chew.

36. Tan Kiah Ling; 37. Han Show Guan; 38. Tereñe Chin Teck Leong; 39. Liew Sin Choi.

40. Shim Yun Fong; 41. Wong Ing Kieng; 42. Chin Nyick Fah; 43. James Thien Chin Fah.

TINGKATAN SATU

*Pusat Peperiksaan:
Bandar Brunei—*

1. Chee Jun Choi; 2. Lim Choi Teng; 3. Chan Kon Fong; 4. Pui Chow Sin; 5. Ong Kai Tit; 6. Liew Ah Soon; 7. Lai Yuck Hwa.

*Pusat Peperiksaan:
Kuala Belait—*

8. Lim Geok Khang; 9. Chen Kok Liang; 10. Chen Chin Soon; 11. Toon Siew Ngho; 12. Yapp Kim Sang.

13. Song Yoke Kaw; 14. Teo Choon Liang; 15. Sim Kwai Nyuk; 16. Hoon Fong Man; 17. Lee Tet Min.

18. Meela Panch; 19. Matthew Ho Sze Onn; 20. Chin Chong Seng; 21. Lee Tin Lan; 22. Philip Tan.

23. Liaw Chai Fah; 24. Liew Nyuk Yik; 25. Tan Swee Wah; 26. Ng Seng Fah; 27. Chang Fah Yin; 28. Lee Su Moi.

*Pusat Peperiksaan:
Seria—*

29. Yap Chin Heong; 30. Ng Thian Seng W; 31. Ngui Tiew Soong; 32. Chong Yah Fah; 33. Voon Yit Khiong;

34. Liew Tshin Lan; 35. Chong June Yap; 36. Donald Wo Chew Pak; 37. Helm

Leong; 38. Maria Therese Ling Chee Lan.

39. Himau Anai; 40. Jacob Ngui; 41. Chow Sut Ngo; 42. Dennis Soon; 43. Lim Minggu.

44. Dominic Jhong; 45. Francis Yong En Yin; 46. Won Imm Lin; 47. Cheong Yin Nyuk; 48. Alice Ng.

49. Wong Lai Song; 50. Alexander Hong; 51. Lee Kui Kiaw; 52. Yang Yo Hwa; 53. Kong Kuok King.

54. Josephine Wong; 55. Paul Chai; 56. Wong Chee Hwa; 57. Liew Jan Ching; 58. Mak Poh Hin.

59. Wong Chee Jang; 60. Yong Chui Chian; 61. Yapp Chin Hee; 62. Koo Nyuk Wah; 63. Chee Mee Yuke.

64. Chia Siang Fatt; 65. Yong Shee Mee; 66. Lim Moi Ngo; 67. Yap Chin Heong; 68. Yong Thian Tho.

69. Joseph Ho; 70. Tiong Jah Sin; 71. Wong Chong Chow; 72. Yap Kam Leng; 73. Lee Kai Yet.

TINGKATAN

PERMULAAN

*Pusat Peperiksaan:
Bandar Brunei—*

1. Yoome Chai Moi Hang;

2. Pim Kong Fatt; 3. Dr. Gregorio Sianghio; 4. Pateraw V. Gloria; 5. Lim Sim Been.

6. Ang Ching Leng; 7. Ling Ai Ming; 8. Shieh Lin Choo; 9. Wong Yeh Ngo; 10. Ang Swee King.

11. Tan Teck Bee; 12. Wong Siew Ngo; 13. Lim Geok Lee; 14. Andrew Liew (See Seng); 15. Yong Song Shooi.

*Pusat Peperiksaan:
Kuala Belait—*

16. Lee Chuen Heng; 17. Siah Leong Teck; 18. Lu Hock Yong; 19. Liang Mim Tong; 20. Chua Swee Kheng.

21. Yee Siew Lan; 22. Thun Siew Yong; 23. Yong Lee Choon; 24. Ng Pek Ling; 25. Lai Foo Boon.

26. Choo Yun Kong; 27. Subash C. Mathews; 28. Cha Leng Ngok; 29. Foo Wai Khiong; 30. Soo Boon Thian.

31. Mamu Samy Jopalak rishnu; 32. Lai Foo Heng; 33. Cheng Theam Seng; 34. Lim Ann Chuan; 35. Frederick Lim Yin Chai.

36. Teng Ah Hua; 37. Chung Yee Ken; 38. Leong Yeong Hong; 39. Shim Kien Chong; 40. Tan Siew Yin.

41. Wong Siew Siong; 42. Ng Wai Sun; 43. Law Guan Heng; 44. Chen Thien Siong; 45. Bong Siong Sen.

46. Foo Ah Siew; 47. Yong Ah Yong; 48. Suresh V. Mathews; 49. Leong Mun Keong; 50. Lin Pak Soon.

51. Wong Swee Kin; 52. Ng Yeok Moi; 53. Foo Siew Ngho; 54. Yapp Swee Len; 55. Helen Pang Keb Len.

56. Chang Fui Yin; 57. N. Rajagopal; 58. Vincent Lin Yun Lok; 59. Lim Wan Tian; 60. Wong Fok Yun; 61. Wong Siew Leng.

62. Sophia Low; 63. Then Nyuh Lan; 64. Loo Soon Fatt; 65. Wong Siew Yong; 66. Leong Thian Yik; 67. Loo Soo Min.

PERADUAN BAHATH ANJORAN ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI. — Peraduan bahath anjoran ASTERAWANI yang di-jadualkan pada 11 Februari, 1966 telah di-tanggohkan buat sementara waktu. Ini ada-lah di-sebabkan sa-suatu yang tidak dapat di-elakkan. Tarikh peraduan ini akan di-umomkan kemudian kelak.

14 buah persatuan akan mengambil bahagian bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara dalam pusingan yang pertama.

Persatuan yang tertinggi markah-nya akan menunggu di-pusingan yang ketiga.

Dalam pusingan yang kedua 6 buah persatuan akan bertanding. 3 buah persatuan yang berjaya dalam pusingan kedua akan bertanding dalam pusingan yang ketiga (terakhir).

Dalam pusingan yang ketiga 4 buah persatuan akan merebut gelaran johan bahagian Daerah Brunei dan Muara dan akan mewakili-nya ka-peringkat negeri.

Sa-kira-nya tidak ada wakil dari Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong maka peraduan sa-negeri tidak dapat di-jalankan.

Persatuan2 yang akan mengambil bahagian dalam peringkat Daerah Brunei dan Muara ada-lah seperti berikut:

Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab SOAS berlawan dengan Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH), Brunei.

Asterawani berlawan dengan

Persatuan Belia Sengkurong.

Persatuan Pakatan Pemuda Pemuda Kg. Ayer (3PKA) berlawan dengan Persatuan Kampung Saba (PERKASA).

Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan berlawan dengan Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 U gama, Brunei.

Persatuan Belia Burong Pingai berlawan dengan Badan Tingkatan Rendah Maktab SOAS.

Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) berlawan dengan Persatuan Pemuda Pemuda Kampung Sembiling.

Maktab Perguruan Melayu, Brunei berlawan dengan Sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP) Brunei.

Waktu Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Februari hingga ka-hari Selasa 22 Februari, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
16		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
17		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
18		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
19		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
20		12-40	4-10	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
21		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
22		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

KURSUS PENGAJARAN BAHASA

oleh Ibrahim Mohd. Said

SA-ORANG serjana bahasa Jerman pernah mengatakan "Perkataan atau kata2 menjadikan manusia bebas. Sa-siapa juga yang tidak dapat menyatakan perasaan-nya melalui kata2 sama-lah sape ti sa-orang abdi. Pertuturan atau bertuturkata ada-lah suatu perbuatan yang di-lakukan dengan bebas; dan kalimat2 perkataan ini sendiri ada-lah kebebasan".

Sa-chara mendalam dapat-lah kita menarek kesimpulan betapa besar pengertian, betapa perlu-nya bahasa bagi manusia, perkataan yang di-ucapkan oleh serjana itu ada-lah kata2 yang mendirikan bahasa. Kerana bahasa ada-lah terdiri dari bentuk2 perkataan yang berbedza2 bunyi dan sebutan-nya sedang tiap2 sesuatu-nya mempunyai pengertian yang tersendiri menggambarkan maksud dan penya-taan perasaan dari orang yang menuturkan-nya.

Atas sa-chara lain dapat di-katakan bahawa bahasa perlu-lah mengandongi kumpulan2 perkataan, yang sa-tiap satu-nya dapat di-terima umum yang menggunakan-nya sa-bagai suatu pengertian atau yang mempunyai pengertian. Sa-chara tidak di-sedari kenyataan ini-lah yang sering di-lupakan oleh para pelajar bahasa, yang chuma barangkali menumpukan perhatian mereka yang sa-penoh-nya kepada masaalah2 grammatika atau tata bahasa saja. Terutama bagi pelajar2 bahasa asing sering melupakan bahawa pengertian satu2 perkataan yang penggunaan-nya dalam kalimat tidak-lah sama dalam tiap2 bahasa.

Mari-lah kita perhatikan chontoh ini, ia-itu suatu chontoh yang biasa kita gunakan dan dengar hari2 jika kita dapat mengerti bahasa2 Inggeris, Jepun dan Tionghua. Antara ketiga2 bahasa ini terdapat chara yang berbedza2 dalam waktu pertemuan. Sa-lama pagi sa-bagai yang kita gunakan dalam bahasa Melayu, akan menjadi "Pagi yang baik" dalam bahasa Inggeris, "Sekarang waktu pagi" dalam bahasa Jepun "Pagi yang sentosa" dalam bahasa Tionghua.

Sa-benar-nya ini tidak-lah usah menghairankan kita, sebab sa-tiap bangsa yang mempunyai bahasa-nya harus-lah di-mengertikan bahawa bahasa pun harus tundok kepada lakukuderat, berubah, berkembang, dan menurut pada keadaan dan suasana sekitar di-mana ia di-tertukarkan; tegas-nya pada keadaan masyarakat bangsa yang menuturkan-nya adat resam, agama, keperchayaan, kebudayaan dan sa-bagai-nya,

semua-nya ini tidak kurang mempunyai pengaruh dalam pengertian bahasa dengan perkataan2-nya.

Tidak-lah bergantung kepada masaalah untuk mengetahui semua sekali perkataan dalam sesuatu bahasa untuk boleh menuturkan sesuatu bahasa itu. Yang perlu dalam penuturan suatu anggaran perangkawan yang lain mendapat bahawa ada-lah kebiasaan bagi anak2 kechil yang berusia 2 tahun akan mempunyai himpunan perkataan sa-jumlah lebeh dari 300 patah. Anak2 yang berusia 6 tahun mempunyai himpunan kata2 di-antara 2,000 dengan 3,000 perkataan orang2 dewasa yang bodoh lebeh kurang 10,000 perkataan dan orang2 dewasa yang sempurna fikiran-nya di-antara 35,000 hingga 70,000 perkataan.

PERBEDZAAN2 PENDAPAT

Perbedzaan2 pendapat mengenai hal ini mungkin timbul di-sebabkan ada-nya perkataan2 yang di-gunakan dengan perkataan yang di-ketahui. Umpama-nya ada perkataan yang jarang2 kita gunakan dalam pertuturan sa-hari2 tetapi mungkin dapat kita faham bila kita mendengar-nya atau melihat-nya dalam tulisan. Dengan kesimpulan ini nyata-lah bahawa sa-tiap anak2 atau orang dewasa akan menggunakan lebeh kurang 1,000 himpunan perkataan dan faham sekurang2-nya 11,000 perkataan.

Perkataan yang sering di-gunakan ada-lah bilamana suatu perkataan itu mempunyai persangkutan dengan kedudukan hidup sa-hari2, kepentingan dan kegemaran sa-saorang umpama-nya. Bagaimana pun hal ini tergantung-lah kepada masaalah penting-nya suatu perkataan itu di-gunakan dalam pertuturan. Ada perkataan2 yang tertentu di-gunakan berkali2 dalam suatu pertuturan mengenai suatu pokok per-chakapan yang tertentu.

Yang lain-nya pula jarang di-pakai, kechuali pada perkara2 yang tertentu dan khusus sahaja. Umpama-nya dalam bahasa Melayu kita akan menjumpai perkataan yang sering kali banyak di-ulangi dalam suatu pertuturan ia-lah perkataan2 itu, ini, yang, dan, atau. Dan memang tidak-lah salah pula pendapat yang mengatakan, bahawa sa-makin

terpelajar sa-saorang itu makin banyak pula himpunan kata2 yang di-pergunakan-nya dan di-fahami-nya. Tetapi jangan lupa pula pengertian atau faham-nya kita pada sesuatu perkataan itu bergantung pula kepada keadaan yang ada di-sekitar kita, pengaruh-nya dalam hidup kita sa-hari2.

Mithal-nya sa-orang kampong biasa yang buta huruf akan banyak mengetahui perkataan2 saperti nama2 kayu, buah2an, binatang2, ikan, tumbuhan2an dan alat2 pertanian atau penangkap ikan dan sa-bagai-nya daripada sa-orang terpelajar yang duduk di-kota besar2, hal mana perkara2 tadi ada-lah suatu perkara asing kepada-nya.

Ilmu dan kebudayaan sunggoh-nya mempunyai peranan penting dalam himpunan kata2 (vocabulary), namun tidak pula dapat di-sangkal, bahawa sa-saorang yang buta huruf pun dapat menguasai himpunan kata dengan sa-banyak2-nya. Hal ini bergantung-lah kepada persangkutan, kegunaan dan kebiasaan kata2 itu kepada-nya; terutama kata2 yang bersangkutan dengan ada-lah susunan2 kalimat dalam satu2 ayat yang sempurna dan mengerti dengan penoh pengertian dan chara pemakaian satu2 perkataan dalam kalimat atau ayat itu.

Kita ambil mithalan dalam himpunan perkataan bahasa Inggeris, menurut ahli bahasa, perkataan bahasa Inggeris mengandongi sekurang2-nya satu sa-tengah juta perkataan. Ada-lah menjadi suatu kesengsian apa-kah ada orang-nya yang boleh menguasai 1/5 daripada jumlah ini.

PERKATAAN

YANG TERBATAS

Beratus2 ribu perkataan, meskipun ada kita temui dalam buku2 kamus, namun perkataan2 itu ada-lah perkataan yang terbatas kepada perkara2 ilmyah, pekerjaan, perniagaan, kejuruteraan dan sa-bagai-nya; tidak-lah pernah di-pakai oleh kebanyakan orang, malah ada yang tidak mengenal-nya langsung.

Perkataan2 baru sa-makin tumbuh dalam himpunan perkataan terutama oleh kegiatan2 daya fikir dan rekaan2 baru dari daya chipta manusia. Sa-tiap chawangan dari ilmu pengkajian manusia, sa-tiap chawangan dari penerokaan ter-

baru dari manusia mempunyai kata2 yang tersendiri, dalam ilmu perubatan, pertanian, kejuruteraan, musik, bahkan juga dalam ilmu haiwan dan sa-bagai-nya. Kegiatan2 dari jurusan ini-lah yang menimbulkan khazanah perkataan2 baru yang mungkin hanya di-kenal oleh suatu golongan sahaja.

Di-sini tiba-lah kita kepada beberapa masaalah dan pendapat yang semakin meluas dan berlainan dalam hal2 bahasa dan sangkut paut-nya dengan peri hidup manusia sa-hari2. Tidak berapa lama dulu sa-orang ahli bahasa Inggeris telah memberikan pendapat-nya dalam suatu pengkajian; ia telah mendapat bahawa pekerjaan sa-bagai pemungut buah yang buta huruf dan sa-paroh buta huruf (boleh membaca sahaja tapi tak boleh menulis) menggunakan himpunan kata2 yang tidak melebehi dari 500 patah perkataan dalam kehidupan mereka sa-hari2.

Dan baru2 ini pula Yayasan bunyi bahasa (The Linguaphone Institute) telah memberikan anggaran perangkawan bahawa di-hitong panjang sa-tiap orang hanya menggunakan di-antara 1,000 - 1,200 himpunan perkataan dalam kehidupan sa-hari2.

Sa-sunggoh-nya perbedzaan pendapat yang kontra banyak pula yang tidak menyetujui pendapat2 tadi. Suatu pengkajian yang teliti telah mendapati perangkawan2 yang tepat, ia-itu sa-orang kanak2 yang berusia 4 tahun ada yang mempunyai himpunan kata2 sa-banyak lebeh dari 5,000 perkataan, dalam usia 6 tahun ia akan mempunyai himpunan kata2 sa-jumlah lebeh dari 14,000 perkataan, dalam usia delapan tahun angka itu akan meningkat menjadi 26,000 perkataan dan dalam usia sepuluh tahun akan menjadi 34,000 perkataan dengan ilmu pengetahuan.

(Bersambung)

Gunakan-lah

B
a
h
a
s
a

Melayu

PENUBOHAN BADAN PERKEMBANGAN BAHASA DAN BUDAYA

oleh
AHMAD ARSHAD

DI-DEWAN Kemasyarakatan, Bandar Brunei, pada pagi hari Juma'at yang lepas terchatetlah dalam ingatan penchinta2 bahasa di-Negeri Brunei akan perasmian penubohan sa-buah badan yang di-gelar Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya.

Perasmian penubohan badan tersebut telah di-ishtiharkan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Omar.

Badan tersebut di-tubuhkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melichinkan lagi usaha2 dalam menggali dan memperkaya serta mendaulatkan Bahasa dan Budaya kita yang sa-memang-nya mempunyai nilai yang tinggi.

PERJUANGAN

Dari sejak pagi itu mula-lah berkembang kepak badan pejuang bahasa dalam menuju kasatu hala matalamat perjuangan-nya yang terbahagi kepada tiga perinsip ia-itu memperkembang dan meninggikan kedaulatan Bahasa Melayu; menyesuaikan pemakaian-nya dengan semangat Perlembagaan 1959 dan menggalakkan orang2 yang berkebolehan dalam mendalami pengetahuan Bahasa Melayu.

Badan ini akan menjalankan gerakan2-nya dari masa ka-masa melalui berbagai2 saloran, termasuklah siaran radio bagi menanamkan semangat bahawa dengan satu bahasa akan terjalinlah perpaduan dan kerukunan hidup ra'ayat berbilang kaum yang tinggal di-negeri ini.

Tetapi dalam menggiatkan gerakan badan ini yang akan menjadi urat nadi dan penyambung nafas perjuangan-nya, maka ia-nya memerlukan baja dari penchinta2 bahasa dan sataiap warga negara.

KERJASAMA

Pernah di-katakan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi penaong badan ini bahawa badan ini di-sifatkan-nya sa-bagai sa-rumpun tanaman bunga yang hanya akan hidup subur dari jagaan yang baik dengan mendapat baja yang cukup dan siraman ayer saban hari.

Ini bermakna bahawa sataiap gerakan yang sedang dan akan di-jalankan oleh badan ini, haruslah mendapat kerjasama yang erat bukan hanya

daripada penchinta2 bahasa malah daripada seluruh ra'ayat negeri ini yang mengakui diri mereka sa-bagai ra'ayat yang tidak berbelah bahagi ta'at setia-nya kepada Brunei Darus salam negeri mereka yang sejati.

Pada masa ini, Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya telah menyediakan dua ranchangan yang di-jangka akan membawa kesan bagi menyebarkan penggunaan bahasa rasmi ini.

Langkah pertama-nya ia-lah dengan mengadakan perbinchangan2 yang tajok dan tarikh perbinchangan itu telah pun di-tetapkan oleh jawatankuasa badan tersebut yang terdiri dari pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka. Perbinchangan2 itu akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan B a n d a r Brunei.

Pada 25 Februari ini perbinchangan akan di-adakan atas tajok "Semangat bab 82 (1) Perlembagaan Negeri Brunei yang mendaulatkan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi Negara.

Perbinchangan mengenai "Masa'alalah Bahasa Kebangsaan dalam sa-buah negara yang mempunyai ra'ayat berbilang kaum akan di-adakan pada 11 Mach, 1966.

PERBINCHANGAN

Tajok "Bahasa sa-bagai jentera untuk mempertinggi nilai kebudayaan" akan di-perbinchangkan pada 25 Mach, 1966, manakala pada 8 April perbinchangan akan berkisar pada tajok "Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan".

Sementara tajok2 "Bahasa daerah dalam kesusasteraan" dan "Masa'alalah adat dalam penghidupan orang2 Melayu dalam zaman moden ini" masing2 akan di-perbinchangkan pada 22 April dan 6 Mei, 1966.

Badan ini juga akan mengadakan perbinchangan mengenai "Pengkajian kesusasteraan lama Brunei" yang akan di-adakan pada 20 Mei, 1966. Dalam perbinchangan ini nanti peserta2 yang di-pileh dikehendaki membuat satu laporan singkat tentang kesusasteraan lama Brunei yang di-kaji-nya.

Dalam perbinchangan2 yang akan di-adakan itu, peserta2-nya akan di-pileh dari ahli2 badan tersebut yang sa-chara sukarela ingin menyertai perbinchangan itu.

Langkah yang kedua yang akan di-jalankan oleh badan ini ia-lah dengan mengadakan satu ruangan dalam perkhidmatan Melayu Radio Brunei atas nama "Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Di-Udara".

Untuk menyambut peluang ini, Perkhidmatan Melayu Radio Brunei telah bermurah hati dan menyediakan masa sa-lama sa-tengah jam dalam menunaikan maksud2 badan tersebut.

Ruangan ini nanti akan memberi peluang kepada ahli2 badan tersebut khas-nya dan pendengar2 di-tanah ayer 'am-nya untuk mengemukakan so'alan2 mengenai Bahasa dan Budaya dan so'alan2 itu akan di-jawab oleh pegawai2 Dewan Bahasa atau orang2 yang di-undang khas bagi menjawab sa-suatu so'alan yang di-kemuka-kan.

JAWAB SO'ALAN

Misal-nya, jika ada so'alan mengenai lapangan musik, maka orang yang mahir di-lapangan itu akan di-undang oleh badan ini untuk menjawab-nya.

So'alan2 boleh juga di-jadikan tajok perbinchangan jika di-fikirkan sesuai oleh Pengelola Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Di-Udara.

Badan ini juga akan meng-undang pakar2 Bahasa dan Budaya untuk bercheramah tentang masa'alalah Bahasa dan Budaya.

Ruangan itu juga akan di-isikan dengan wawanchara, sandiwara, langgam suara, pembacahan sajak, pembacahan cherpen dan lain2 lapangan yang ada kaitan-nya dengan Bahasa dan Budaya.

Anggota2 Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya yang ingin ikut serta dalam ruangan itu hendaklah menghantar nama mereka dengan menggu-nakan borang.

SALINAN SKRIP

Salinan skrip cheramah, sandiwara, langgam suara, sajak, cherpen dan semua bentuk penyiaran yang berkehendakan skrip hendaklah di-hantar kepada Pengelola Badan Bahasa dan Budaya Di-Udara untuk di-semak sa-belum di-udarkan. Bagitu juga dengan so'al-an2 hendaklah di-hantar kepada pengelola ranchangan ini.

Ranchangan Badan Bahasa dan Budaya di-Udara itu dengan tidak sa-chara langsung



DATO PADUKA
AWANG HAJI JAMIL

akan melateh pemuda pemudi yang chenderong dalam Bahasa dan Budaya supaya mengasoh bakat mereka dalam lapangan2 yang tertentu seperti berlakon sandiwara radio dan alam penulisan-nya.

Dengan ranchangan2 yang di-sebutkan itu, maka sudah sa-mesti-nya-lah sasterawan2 negeri ini mengurak langkah dan mengembeling tenaga pada mengasoh dan menyemai bakat yang telah sedia ada pada mereka.

Kalau pada masa yang lampau, sasterawan2 negeri ini dahaga akan saloran2 bagi menchurahkan hasil karya mereka, tapi hari ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyedari akan hal itu dengan meng-ambil tindakan yang wajar ini.

LANGKAH BARU

Banyak lagi langkah2 baru yang akan di-laksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mengasoh sasterawan2 negeri ini untuk berkechempong dalam arena bahasa, sastera dan budaya.

Kita telah di-beri tahu dari puncha2 rasmi DBP bahawa, pada masa ini Dewan Bahasa dan Pustaka memusatkan perhatian-nya dalam bidang penerbitan buku2 pelajaran, kumpulan2 sastera lama, kumpulan2 sejarah Brunei Tua, kumpulan2 dalam bidang prosa dan puisi.

Bagitu juga dengan penerbitan majallah-nya, sedang dalam pengusahaan dan harus dalam jangka tidak berapa lama lagi majallah itu akan dapat di-tatapi oleh pembaca.

Isi2 dalam majallah itu akan berkisar pada perkembangan bahasa, sastera dan budaya.

Kita mengharapakan agar Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan saksis mengusahaan ranchangan2-nya dan kita tetap akan turut menyertai dalam menikmati buah2 yang akan di-hasilkan-nya kelak.

Dunia Hari Ini:

KOREA SELATAN MENENTANG KOMINIS

KEBANYAKKAN dari-pada negara2 di-dunia sedang menghadapi ancaman Kominis, ancaman yang meliputi berbagai chorak, seperti yang pernah digambarkan menerusi ranchangan ini, terhadap sa-sabuah negara atau pemerintahan, dalam usaha Kominis untuk merampas kuasa sama ada dengan jalan kekerasan atau sebalik-nya.

Anchaman2 oleh Kominis itu maseh terus di-galakkan dan sa-bahagian besar negara2 yang membuat perhitungan terhadap gerakan Kominis itu ia-lah yang terletak di-kawasan Asia Tenggara, walaupun kawasan Carribia dan Amerika Selatan di-laporkan, mulai dirasok oleh kegiatan2 Kominis itu.

Oleh di-sebabkan gerakan Kominis itu jelas berleluasan mari-lah di-tinjau ulasan, ditulis oleh wartawan khas Arthur Dommen dari Seoul, yang melaporkan tentang kedudukan Korea Selatan pada masa ini.

Kominis Korea Utara yang mengamalkan dasar yang sama dengan Kominis Vietnam Utara dalam penentangan-nya terhadap Vietnam Selatan yang dapat di-lihat hari ini, telah bergerak menyusupkan agent2 mereka ka-Korea Selatan, menurut jadual untuk melakukan tindakan2 di-masa hadapan nanti.

Tujuan utama-nya ada-lah jelas, ia-itu untuk menubuhkan satu kumpulan atau badan haram yang mengandungi pengintip dan para gerakan merosak sabotage, bagi satu waktu apabila mereka dapat menggunakan-nya menentang kerajaan Republic Korea Selatan dan Pasokan Bersenjata Amerika yang bertapak di-republic itu.

Menurut pehak tentera dan police Amerika-Korea Selatan, agent2 Kominis yang di-seludupkan dari Utara sekarang ini ada-lah terlateh dan mempunyai kelengkapan yang lebeh baik dari mereka yang pernah di-seludupkan dulu.

Bagaimana pun sejauh ini Korea Utara belum lagi meng-umum atau membuat kenyataan tentang wujud-nya satu barisan pembebasan mencontohi badan Liberation Front arahan Kominis di-Vietnam Selatan, tetapi sekurang2-nya terdapat satu petua, bahawa kegiatan2 Kominis di-Korea Selatan itu mempunyai hubungan dengan Party Kominis Korea Utara.

Ini ada-lah terbukti dari rahsia yang di-bochorkan oleh agent2 Kominis dari Utara

yang di-tangkap oleh pehak yang berkuasa Korea Selatan, sa-telah mereka di-soal. Agent2 ini telah membuka rahsia, bahawa satu pasokan pejuang khas telah di-bentuk di-Utara, dan mereka mempunyai perutusan khas seperti yang di-arahkan kepada mereka untuk satu2 tindakan atau gerakan di-masa hadapan.

Tahun lepas agent2 Kominis yang di-tangkap ada-lah meningkatkan sa-puluh peratus, melebihi dari kejayaan dalam tahun 1964, sa-telah mereka menyusup untuk melaksanakan gerakan diayah, mengintip dan sabotage.

Kerajaan Korea Selatan diberitakan maseh menguatkan lagi tindakan-nya untuk melenyapkan sa-barang anchaman terhadap keselamatan kerajaan pimpinan Chung Hee Park itu.

Satu daripada perkembangan gerakan subversive Kominis yang terang di-lihat tahun lepas ia-lah dengan bertambah-nya kejadian2 rusohan yang ada hubungan dengan penyusup.

Dalam bulan Oktober dapat di-lihat kejadian membunuh, mencholek dan peristiwa berbalas2 tembak dengan pehak police. Kominis kemudiannya tidak dapat menjalankan gerakan-nya itu, di-sebabkan menjelang-nya musim sejok.

Namun demikian pehak Amerika dan Korea Selatan diberitakan bersiap sedia untuk menghadapi ranchangan Kominis hendak memechah belahkan di-kalangan ra'ayat, dengan mengerah terus 550,000 orang tentera Korea Selatan dan 50,000 orang tentera Amerika yang berpangkalan di-republic itu. Dengan itu juga arahan2 di-keluarkan untuk mengkaji dan menilai sa-tiap kejadian penyusupan.

Di-samping itu, pegawai2 dari kedua2 belah pehak Amerika dan Korea Selatan berpendapat, bahawa bertambah-nya kejadian membunuh dan mencholek dalam musim buah yang lalu mungkin memberikan satu isyarat perhubungan pehak Kominis hendak mengelakkan ma'lumat gerakan mereka dari jatuh ka-tangan pehak police.

Sementara itu pehak Kominis Korea Utara juga telah melaksanakan kempen propaganda mereka terhadap Selatan dengan menggunakan thema yang ada kaitan-nya dengan pengiriman bala tentera Korea Selatan ka-Vietnam Selatan untuk membantu kerajaan Saigon menentang kerajaan Hanoi. Ini ada-lah satu chara pehak Kominis chuba mem-

bangkitkan semangat ra'ayat untuk menentang kerajaan.

Korea Utara juga di-ketahui mempunyai sa-buah pusat la-tehan untuk orang2 Korea yang berasal dari Selatan, dan dari sini-lah mereka nanti menyusup masuk semula ka-Selatan, ia-itu melalui empat pusat kecil dekat garis lintang 38 darjah.

Kebanyakan dari agent2 yang di-berkas di-Selatan di-jumpai mempunyai kertas pengenalan palsu, salinan2 penerbitan Selatan dan mata wang Korea Selatan palsu.

Pihak kerajaan dalam menjalankan tindakan untuk menghalang berlakunya penyusupan di-sekitar kawasan bebas sepanjang 150 batu itu, telah berusaha membersehhkan hutan belantara dan memasang kawat2 dari selain dari mendirikan kawalan2 setiap masa dengan menggunakan alat2 radar. Bagaimana pun yang menjadi satu lagi masalah penyusupan Kominis ia-lah kawasan terbuka di-sebelah pantai.

Sa-jauh ini jumlah penyusupan di-anggarkan tidak begitu besar, apabila kerajaan Korea Selatan menda'wa telah menangkap hanya 492 orang agent ia-itu perantaraan peng-

ambilan oleh pemerintah oleh Chung Hee Park dalam bulan May tahun 1961 hingga 1 haribulan Januari tahun ini.

Pihak Amerika menyatakan kurang dari 200 orang agent telah di-tangkap dalam tahun 64 dan 65. Bagaimana pun mereka meramalkan, bahawa sa-tiap agent yang berjaya lepas masuk mungkin mempunyai kebolehan menubuhkan satu kumpulan atau sarang peng-ganas. Tetapi kepada pengetahuan pehak police Korea Selatan, tidak-lah begitu banyak yang dapat di-pengaruhi oleh mereka.

Pihak police dalam peng-umuman terakhir-nya telah

oleh Hanafi Joffri

membuat keputusan akan melaksanakan tindakan yang sakeras2-nya terhadap agent2 Kominis, yang menyusup masuk untuk merosakkan keselamatan negara

Menurut sa-tengah2 kalangan, tindakan pehak yang berkuasa Korea Selatan dalam menghadapi Kominis itu ada-lah sa-rupa dengan tindakan wajar oleh mana2 pehak yang menentang faham Kominis, dalam usaha untuk melindungi keselamatan negeri masing2.

Pertukaran Nadzir2 Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Adalah di-ma'lonkan kepada semua Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Negeri Brunei bahawa mulai dari 1 Januari, 1966 Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian masing2 ada-lah seperti di-bawah ini:

Awang Md. Daud bin Serudin, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong di-lantek menjadi Nadzir Kanan di-Ibu Pejabat Pelajaran, Brunei.

Awang Shahbudin bin Saleh, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I (Bandar Brunei) di-lantek menjadi Nadzir

Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong I.

Awang Md. Yusuf Tahir, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, di-lantek menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong.

Awang Md. Yusuf Daud, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong, di-lantek menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II.

Awang Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Belait, di-lantek menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I (Bandar Brunei).

Kelas2 Pelajaran Dewasa

BANDAR BRUNEI.—Kelas2 Pelajaran Dewasa, anjoran Jabatan Pelajaran Brunei pada masa ini di-adakan di-beberapa tempat dalam Negeri Brunei.

Kelas2 tersebut ada-lah seperti berikut:

PELAJARAN RENDAH: (a) Peringkat Permulaan; (b) Peringkat Menengah dan (c) Peringkat Tertinggi.

PELAJARAN MENE-NGAH RENDAH: (a) Tingkatan I (Form I); (b) Tingkatan II (Form II) dan (c) Tingkatan III (Form III).

PERDAGANGAN: (a) Menaip i) Permulaan ii) Menengah dan iii) Tertinggi. (b) Trengkas: i) Permulaan ii) Menengah dan iii) Tertinggi. (c) Ilmu Menyimpan Kira2 (Book-Keeping): i) Permulaan dan ii) Menengah.

URUSAN RUMAH TANGGA: Masakan2, Sulam Menyulam, Anyam2an dan Jahitan2.

BAHASA MELAYU BAGI ORANG2 YANG BUKAN MELAYU: (a) Tingkatan Permulaan, (b) Tingkatan Satu, (c) Tingkatan Dua dan (d) Tingkatan Tiga.

TAWARAN DAN JAWATAN2 KOSONG

SABARANG pedagang tempatan ada-lah di-pelawa untuk menghantar makanan dan minuman (barang2 mentah sahaja) untuk seramai 50 orang penuntut2 Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dalam tahun 1966, dengan syarat tawaran demikian hendak-lah sampai kepada Tuan Pengurus Lembaga Tawaran, Brunei, di-alamat Pejabat Kewangan Negara, di-tingkat bawah Bangunan Besar Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei, tidak

lewat jam 4-00 petang, 21 Februari, 1966.

Sa-barang tawaran hendak-lah di-kirimkan dalam sampul surat yang bertutup rapat dan hendak-lah di-kirimkan kepada Pengurus Lembaga Tawaran di-alamat tersebut.

Hendak-lah tidak ada sabarang tanda2 yang menunjukkan nama si-penawar di-atas sampul surat tersebut melainkan tanda:

"Tawaran mengenai ba-

rang2 mentah untuk makanan 50 orang Penuntut2 Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah".

Kerajaan tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang paling murah sekali.

Penawar yang berjaya akan mulai mengadakan barang2 tersebut pada 1 Mach, 1966.

JENIS MAKANAN DAN MINUMAN

1. Beras; 2. Daging (mantah); 3. Ikan (mantah); 4.

Udang (mantah); 5. Sayor (mantah); 6. Roti paun; 7. Milo; 8. Susu manis; 9. Gula; 10. Ovaltine; 11. Kueh atau Roti; 12. Buah2an (saperti apple, limau manis atau pisang); 13. Mentiga; 14. Kaya; 15. Jem; 16. Kiju (Cheese); 17. Telor; 18. Minyak Makan; 19. Kari (curry); 20. Lada; 21. Bawang; 22. Beberapa ramuan makanan yang kechil2 yang perlu yang tidak di-sebutkan di-sini.

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Jurutera dalam Perjawatan Kejuruteraan Awam di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Chalon2 yang di-lantek akan bertanggung jawab merancang pembikinan dan menjaga jalan2 raya dan jambatan2, bangunan2, tali ayer dan kerja2 di-kawasan pembangunan, benaan, dan lain2 perkhidmatan Kejuruteraan Awam dan sebagai-nya yang di-bawah jagaan Jabatan Kerja Raya.

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Mesti-lah lulus Bahagian2 I dan II peperiksaan 'Institution of Civil Engineers'

atau mempunyai Ijazah Kejuruteraan atau diploma dari sa-buah Universiti atau Maktab yang di-akui yang membebaskan dari peperiksaan2 ini.

Setelah memperolehi kelayakan tersebut chalon2 mesti-lah berpengalaman selama tidak kurang dari dua tahun dalam bidang Kejuruteraan Awam, perancangan, pembentokan, dan pembangunan, dalam mana satu tahun dari-nya ia-lah pengalaman bekerja di-luar pejabat.

Umur tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan berbahasa Melayu ada-lah satu keuntungan.

Gaji:

Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020 x 40-1620 x 50-1820 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada

Chukai Pendapatan di-kekalkan di-Brunei.

Butir lanjut mengenai chuti, tambang, dll., boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1966.

PEGAWAI2 KASTAM

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Pejabat Kastam, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Form III atau yang bersamaan di-Sekolah Inggeris. Chalon2 mesti-lah sanggup memakai pakaian seragam dan bersedia untuk di-tempatkan di-sebarang daerah di-negeri ini dan bekerja bergilir2.

Umur di-antara 18 dan 28 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan \$210x10-270x15 - 315/EXAM/330x15 - 360x20 - 420/BAR/440x20 - 560/BAR/580x20 - 620.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Februari, 1966.

Persatuan 3PM Temburong Ber-Hari Raya

BANGAR. — Sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri, Persatuan 3PM telah pun mengambil sempena ini, dengan merayakan Sambutan2 Hari Raya sa-lama dua hari berturut2.

Sambutan ini telah mendapat sanjongan dari penduduk2 Daerah Temburong dengan penoh sesak di-padang Besar Bangar Temburong, baru2 ini. Ini-lah pertama kali Persatuan 3PM mengadakan sambutan2 saperti ini.

Achara2 yang telah di-adakan pada malam Sambutan itu, ada-lah sa-belah petangnya, perjumpaan Hari Raya bertempat di-Pekarangan Kelab Temburong dengan mengadakan ucapan2 oleh Setia Usaha Agong Persatuan 3PM, Awang Md. Yusof Hj. Misir.

Pada malam pertama-nya Ahli2 Persatuan 3PM telah mengadakan Aneka Warna, saperti Nyanyian Persembahan, Lawak Jenaka, persembahan Tarian dan yang paling menarik sa-kali ia-lah Berbalas Pantun.

Achara Berbalas Pantun ini telah mendapat sanjongan dari orang ramai. Pada malam Sambutan itu juga Yang Di-Pertua Persatuan 3PM, Awang Yazid Ibrahim dan Penolong Pegawai Daerah Temburong Awang Aziz, telah pun memberikan ucapan sa-bagai me-

ngalu2kan kedatangan para hadirin dan memberikan ucapan Selamat Hari Raya kepada seluruh penduduk Daerah Temburong.

Di-malam kedua, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Chucho bin Panglima Asgar telah memberikan ucapan Selamat Hari Raya kepada seluruh penduduk Daerah Temburong.

Beliau juga berseru kepada Pemuda dan Pemuda di-Daerah ini hendak-lah selalu bekerja sama dalam mengadakan Sambutan2 saperti ini. Kata beliau lagi "bersama2-lah kita berdo'a sa-moga di-panjangkan umur dan badan sehat di-tahun hadapan kita akan dapat berjumpa lagi saperti ini".

Di-dalam Sambutan itu juga

Ahli2 Persatuan 3PM telah mengadakan Peraduan2, saperti peraduan nyanyian lelaki dewasa dan perempuan dewasa, serta yang paling menarik sa-kali ia-lah Peraduan Ratu Hari Raya dan Pemuda Kachak Hari Raya, pada dua malam berturut2 itu telah pun mendapat kejayaan yang cemerlang dan mendapat sambutan dari penduduk2 Daerah Temburong baik dari Pemuda dan Pemuda-nya dan di-pehak Ibu Bapa.

Dari mula hingga ka-akhir Sambutan itu telah pun diuruskan oleh Pengerusi Badan Kebudayaan dan Kesenian Awang Jumat Amp. Sarifudin. —Berita kiriman Setia Usaha Agong, Persatuan 3PM, Temburong, Awang Md. Yusof Hj. Misir.

Pendaftaran Kad2 Pengenalan

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Kad2 Pengenalan untuk orang2 yang tinggal di-Negeri Brunei akan berakhir pada 28 Februari, 1966 — ia-itu sa-tahun sa-lepas pendaftaran Kad2 Pengenalan itu di-mulai.

Mulai dari 1 Mach, 1966, penduduk2 negeri ini yang tidak dapat menunjukkan Kad2 Pengenalan mereka apabila di-kehendaki oleh pehak2 yang berkenaan akan di-dapati salah dan boleh di-hukum.

Oleh itu, penduduk2 negeri

ini yang belum lagi mempunyai Kad2 Pengenalan, ada-lah di-nasehatkan supaya mendaftarkan nama2 mereka dan sa-bagai-nya di-Pejabat Pendaftaran, Jalan Kianggeh, Bandar Brunei sa-belum 28 Februari, 1966.

Selain dari Pejabat Pendaftaran di-Bandar Brunei, Kad2 Pengenalan itu boleh juga di-perolehi dari Chawangan2 Pejabat Pendaftaran di-Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong.

Perlumbaan Basikal Anjoran P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan basikal anjoran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei ini ia-lah kali yang Ke-II sempena mengingati Ulang Tahun Perayaan Pembukaan Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei.

Perlumbaan ini di-jalankan chara pantai bersa-orangan bermula dari Pekan Muara dan berakhir di-hadapan Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei.

Jarak perlumbaan lebih kurang 16 batu. Temasha ini akan berlangsung pada hari Juma'at 25 Februari, 1966 jam 8-30 pagi.

Borang2 pendaftaran hendaklah di-kirimkan kepada Pengerusi Perlumbaan Basikal P.G.G.M.B. d/a Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Penutupan pendaftaran masoki perlumbaan ini ia-lah pada hari Sabtu, 19 Februari, 1966, jam 4-00 petang.

Pendaftaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang di-tetapkan tidak akan di-layani.

Peserta2 perlumbaan di-kehendaki berkumpul di-hadapan Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei pada 25 Februari, 1966 tepat jam 7-30 pagi untuk menerima penerangan2, pemeriksaan basikal dan peserta dan memasang angka2. Tepat jam 8-00 pagi peserta2 akan di-bawa dengan kenderaan ka-tempat berlepas.

Sharat2 dan peratoran2 di-bawah ini mesti-lah di-patohi oleh peserta2. Jika sharat2 dan peratoran2 ini tidak di-patohi oleh peserta2 maka ia tidak akan di-terima mengikuti perlumbaan.

1. Peserta2 mesti-lah memakai "helmet" (topi keselamatan).
2. Mesti-lah pakai "paddle" sarong kaki.
3. Hujung "handle" tempat pegang mesti-lah pakai sarong getah/plastik.
4. "Brake" hadapan dan belakang mesti-lah ada.

PAKAIAN PESERTA

1. Pakaian peserta hendaklah bersesuaian dengan

oleh Awang Md.

Hussain Zainol

keadaan perlumbaan basikal.

2. Angka yang di-berikan mesti-lah di-kenakan ditempat yang di-atorkan oleh pengawas2 perlumbaan.

DALAM MASA PERLUMBAAN

1. Jangan memotong peserta2 lain dari sa-belah

kiri.

2. Jangan masuk dengan serta-merta ka-hadapan peserta2 lain sa-telah memotong. Ia mesti-lah memberi jarak kira2 5 buah basikal di-belakangnya.
3. Jangan menghalang peserta2 lain dengan tujuan yang membahayakan.
4. Jika di-benarkan menggunakan kuasa tenaga lain sa-masa mengayoh basikal sa-lain dari tenaga sendiri.

PERINGATAN 'AM

1. Ahli2 Jawatan Kuasa tidak bertanggung jawab

atas apa2 kechederaan baik pun pada peserta2 mahu pun pada penonton2 akibat kemalangan.

2. Peserta2 hendaklah berhati2 dan pertahankan keselamatan diri sendiri dengan jiwa kesokanan (sporting spirit).
3. Perkara2 berbangkit akan di-runding dan di-putuskan oleh Jawatan Kuasa Perlumbaan.
4. Perlumbaan terbuka kepada orang ramai (saluruh Negeri Brunei).
5. Perbelanjaan kenderaan dan makan tidak di-biayai oleh badan yang meng-anjorkan.

TAWARAN TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-jemput untuk memenohi Canteen di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Belait, Kuala Belait.

2. Canteen ini mempunyai alat perkakas kerusi dan meja.

3. Orang lain atau beraleh tangan kepada sa-saorang adalah tidak di-benarkan untuk menjalankan jualan ini, kecuali daripada permohonan yang berjaya itu sendiri.

4. Bayaran sewa untuk tempoh 1 tahun hendaklah terlebih dahulu di-jelaskan sebelum kebenaran di-beri untuk memulakan penjualan di-Canteen tersebut.

5. Canteen ini hanya di-hakikatkan kepada Kaki Tangan2 Kerajaan. Dan tidak terbuka kepada orang2 awam, kecuali seperti sharat2 yang tersebut di-bawah ini:

- i) Pada orang2 yang mempunyai urusan dengan Kerajaan dalam masa pejabat di-buka.

- ii) Kaum pekerja yang berkhidmat dengan Kerajaan.

6. Canteen ini hanya di-buka dari jam 7.00 pagi hingga 4.00 petang.

7. Permohonan yang berjaya mesti-lah mempunyai chukop pekerja2 pelayan untuk men-jayakan Canteen.

8. Pemborong (Contractor) ada-lah di-kehendaki mengadakan jualan minuman2 ringan dan makanan2. Minuman dan makanan2 yang di-tegah oleh Ugama Islam tidak boleh di-jual di-Canteen ini.

9. Permohonan yang berjaya hendaklah bertanggung jawab atas bayaran gas sahaja. Bayaran lampu dan ayer tidak di-kenakan, tetapi walau bagaimanapun apabila menggunakan lampu dan ayer hendaklah dengan chermat.

10. Pemohon yang berjaya akan di-beri satu lesen berniaga di-Canteen sa-lama 1 tahun dari mula dia-nya menjalankan penjualan-nya. Dan juga di-kehendaki untuk memenohi permintaan dan arahan dari masa ka-masa yang di-beri oleh Pegawai Daerah, Belait berhubung dengan menjayakan Canteen tersebut.

11. Kerja yang di-tawarkan

mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan **CANTEEN DI-BANGUNAN PEJABAT2 KERAJAAN BELAIT**. Dan sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei sahingga jam 4.00 petang pada hari Ithnin 28 Februari, 1966.

12. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

13. Tawaran yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

14. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sahabis rendah sekali atau sebarang tawaran. Dan pertimbangan akan di-beri kepada si-pemohon yang di-fikir mempunyai perkhidmatan yang berkelayakan. Maka oleh itu adalah mustahak-nya bagi-pemohon menyatakan pengalaman-nya untuk menjayakan urusan Canteen tersebut.

PEGAWAI IMIGRESEN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 lelaki yang menjadi ra'ayat DYMM Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi 5 jawatan kosong sebagai Pegawai Imigresen di-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berkhidmat di-Pepabot Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan juga di-pertimbangkan.
- (b) Umur di-antara 17 dan 25 tahun.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas dimana2 tempat dalam Negeri ini.

Gaji. :

Dalam sukatan gaji D.1 - 2 - 3 - 4 \$210 x 10 - 270 x 15 - 360x20 - 620.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Februari, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah di-hantar sechารา lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

JAWATAN2 KOSONG: DI-JABATAN BANDARAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 berikut di-Jabatan Bandaran Brunei:-

(a) TRADESMAN TINGKAT KHAS (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$380 x20-480.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Berumur tidak kurang dari 30 tahun dan berkelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris. Berpengalaman selama lapan tahun sebagai Tradesman.

(b) PENYELENGGARA SEKTOR TINGKAT III (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$200 x10-330.

Kelayakan2: Berumur tidak kurang dari 20 tahun dan berkelulusan sekurang2-nya darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Februari, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah di-hantar sechารา lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

KEPUTUSAN PEPEREKSaan KELAS DEWASA PELAJARAN RENDAH 1965

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Peperiksaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Rendah yang telah di-adakan pada 10 Disember, 1965 ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN BRUNEI I

1. Sekolah Melayu Pintu Malim:

1. Bakar bin Hj. Othman lulus Tingkatan Permulaan; 2. Zaini bin Hj. Bakar lulus Tingkatan Permulaan; 3. Sahar bin Latif lulus Tingkatan Permulaan.

2. Kawasan Kpg. Pelambayan:

1. Chuchu bin Ja'afar lulus Tingkatan Menengah; 2. Ibrahim bin Matarsad lulus Tingkatan Menengah.

3. Sekolah Dewasa Kpg. Pelambayan:

1. Dy. Amoi bte. Ahim lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Hasnah bte. Metassim lulus Tingkatan Menengah; 3. Dy. Aria bte. Md. Zain lulus Tingkatan Permulaan; 4. Dy. Norhayati bte. Md. Tahir lulus Tingkatan Permulaan; 5. Dy. Jamaliah bte. Md. Yussof lulus Tingkatan Permulaan; 6. Dy. Zainon bte. Abdullah lulus Tingkatan Permulaan.

7. Dy. Zaiton bte. Hj. Omar lulus Tingkatan Permulaan; 8. Dy. Kasnah bte. Kahar lulus Tingkatan Permulaan; 9. Dy. Salmah bte. Haji Kasah lulus Tingkatan Permulaan; 10. Dy. Salmah bte. Ja'afar lulus Tingkatan Permulaan; 11. Dy. Rafiah bte. Md. Zain lulus Tingkatan Permulaan.

4. Balai Kpg. Pandai Besi:

1. Ibrahim bin Sulaiman lulus Tingkatan Permulaan; 2. Damit bin Ahmad lulus Tingkatan Permulaan; 3. Abdullah bin Chuchu lulus Tingkatan Menengah; 4. Bakar bin Ahmad lulus Tingkatan Menengah; 5. Adam bin Tundak lulus Tingkatan Menengah; 6. Ibrahim bin Ahmad lulus Tingkatan Menengah; 7. Bungsu bin Ahmad lulus Tingkatan Menengah.

5. Balai Kpg. Pandai Besi:

1. Dy. Aisah bte. Tengah lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Damit bte. Bungsu lulus Tingkatan Permulaan.

6. Sekolah Melayu Pintu Malim:

1. Dy. Taipah bte. Mustafa lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Hasnah bte. Awg. Ali lulus Tingkatan Permulaan; 3. Dy. Halimah bte. Latif lulus Tingkatan Permulaan; 4. Dy. Maimunah bte. Hj. Tahir lulus Tingkatan Permulaan.

7. Sekolah Melayu Sungai Kebun:

1. Pg. Badaruddin bin Pg. Metassan lulus Tingkatan Menengah; 2. Omar bin Hj. Maidin lulus Tingkatan Menengah;

3. Ahmad bin Hj. Maidin lulus Tingkatan Menengah; 4. Abd. Hamid bin Hj. Maidin lulus Tingkatan Menengah; 5. Pg. Damit bin Pg. Yaakub lulus Tingkatan Menengah; 6. Taha bin Hj. Maidin lulus Tingkatan Menengah; 7. Ismail bin Rashid lulus Tingkatan Permulaan.

8. Sekolah Melayu Pintu Malim:

1. Tuah b. Sabtu lulus Tingkatan Permulaan; 2. Bungsu bin Apong lulus Tingkatan Permulaan; 3. Tuah bin Dollah lulus Tingkatan Permulaan 4. Daud bin Said lulus Tingkatan Menengah.

9. Sekolah Melayu Lela Menchanai:

1. Baki bin Abdullah lulus Tingkatan Menengah; 2. Damit bin Merali lulus Tingkatan Menengah; 3. Kaling bin Timbang lulus Tingkatan Menengah; 4. Jais bin Karim lulus Tingkatan Menengah.

5. Jalil bin Hj. Ahmad lulus Tingkatan Menengah; 6. Taha bin Salleh lulus Tingkatan Menengah; 7. Salleh bin Rahman lulus Tingkatan Menengah; 8. Yaakub bin Rahman lulus Tingkatan Menengah; 9. Wahid bin Jaluddin lulus Tingkatan Menengah.

10. Balai Pengiran Anak Safar:

1. Tuah bin Rimba lulus Tingkatan Menengah; 2. A. Taha bin Jambol lulus Tingkatan Menengah; 3. A. Serudin bin Duraman lulus Tingkatan Menengah; 4. A. Abd. Rahman bin Abdullah lulus Tingkatan Menengah; 5. A. Md. Zain bin Badar lulus Tingkatan Menengah; 6. A. Ismail bin Penglima lulus Tingkatan Menengah.

7. Ak. Bubin bin Pg. Momin

lulus Tingkatan Permulaan; 8. A. Unin bin Abdullah lulus Tingkatan Permulaan; 9. Hj. Besar bin Hj. Ismail lulus Tingkatan Permulaan; 10. A. Ahmad bin Nawang lulus Tingkatan Permulaan.

11. Sekolah Melayu Lela Menchanai:

1. Osman bin Duraman lulus Tingkatan Permulaan; 2. Metasan bin Abd. Rahman lulus Tingkatan Permulaan; 3. Hj. Bolaji bin Jamudin lulus Tingkatan Permulaan; 4. Md. Salleh bin Gadong lulus Tingkatan Permulaan; 5. Hj. Mohammad bin Jamaluddin lulus Tingkatan Permulaan; 6. Salim bin Abd. Rashid lulus Tingkatan Permulaan; 7. Abd. Rahman bin Md. Yussof lulus Tingkatan Permulaan.

12. Sekolah Melayu Pintu Malim:

1. Rosnami bte. Hj. Abd. Hamid lulus Tingkatan Menengah; 2. Sarafah bte. Awang Sunggoh lulus Tingkatan Menengah; 3. Normah bte. Hj. Abd. Hamid lulus Tingkatan Menengah.

13. Sekolah Melayu Lela Menchanai B:

1. Ak. Md. Yussof bin Pg. Ismail lulus Tingkatan Menengah; 2. Awg. Md. Said bin Bungsu lulus Tingkatan Menengah.

14. Sekolah Melayu Tanah Jambu:

1. Timbang bin Md. Yusof lulus Tingkatan Menengah; 2. Dy. Zabidah bte. Bangkul lulus Tingkatan Menengah; 3. Dy. Zainon bte. Sabtu lulus Tingkatan Menengah; 4. Dy. Damit bte. Yusof lulus Tingkatan Menengah; 5. Dy. Tinun bte. Yusof lulus Tingkatan Menengah.

6. Dy. Munah bte. Ajak lulus Tingkatan Menengah; 7. Dy. Murah bte. Untong lulus Tingkatan Menengah; 8. Dy. Sari bte. Hashim lulus Tingkatan Permulaan; 9. Dy. Arpah bte. Basir lulus Tingkatan Permulaan; 10. Dy. Sariah bte. Kalong lulus Tingkatan Permulaan.

15. Rumah Ketua Kampong Peramu:

1. Dayang binte Osman lulus Tingkatan Permulaan; 2. Halimah bte. Hj. Metussin lulus Tingkatan Permulaan; 3. Rahmah bte. Momin lulus Tingkatan Permulaan; 4. Noraini bte. Ismail lulus Tingkatan Permulaan; 5. Hajah Dy. Damit bte. P. S. W. Hj. Muhammad lulus Tingkatan Permulaan; 6. Zaharah bte. Mohammad lulus Tingkatan Permulaan; 7. Mastura bte. Saman lulus Tingkatan Permulaan.

16. Kampong Peramu Brunei:

1. Dy. Rasidah bte. Budin lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Siti bte. Metasan lulus Tingkatan Permulaan; 3. Dy. Maimunah bte. Awg. Tuah lulus Tingkatan Permulaan; 4. Dy. Norani bte. Awg. Bakar lulus Tingkatan Permulaan 5. Dy. Rokayah bte. Hj. Zapar lulus Tingkatan Permulaan; 6. Dyk. Aminah bte. Pgn. Ja'afar lulus Tingkatan Permulaan; 7. Dy. Norsiah bte. Awg. Tuah lulus Tingkatan Permulaan.

Kursus Pertanian

(Dari Muka 1)

Persatuan dan orang2 kampung yang suka turut menghadhirinya telah di-berikan sharahan2 mengenai chara2 mengusahakan pertanian dan ternakan.

Sa-lain dari itu, mereka juga telah di-beri latehan2 dalam lapangan tersebut.

Di-samping itu, peserta2 kursus juga di-beri peluang untuk mengemukakan pertanyaan2 tentang sa-barang kemuskilan baik di-lapangan berchuchok tanam. mahupun ternakan.

Pegawai2 Perkembangan Pertanian itu bukan hanya memberikan jawapan sachara mulut, bahkan sa-chara perbuatan untuk menyenangkan mereka dalam memahami lapangan2 yang mereka muskilkan atau kurang faham.

Sa-bagai penamat kursus itu, sa-ramai 12 orang ahli2 persatuan tersebut yang menghadhiri kursus akan di-beri peluang untuk mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian di Kilanas pada 21 Februari ini.

Sementara itu, kursus serupa juga akan di-adakan di-Mukim Labu dan Batu Apoi di-Daerah Temburong mulai pada pertengahan bulan Mach hingga ka-awal bulan April akan datang.



Sadikit kebakaran telah berlaku di-bumbong rumah 'Muara Lodge', ia-itu tempat kediaman rasmi Major General G. H. Lea, Pengarah Gerakan2 Borneo baru2 ini. Kejadian itu berlaku pada masa General Lea tidak ada dalam rumah itu. Tidak berapa lama sa-lepas berlaku kebakaran tersebut, Pegawai2 dan anggota2 Perkhidmatan

Bomba Brunei, yang telah di-beri tahu dengan talipon berkenaan dengan kebakaran itu, telah tiba di-tempat tersebut dari Bandar Brunei dan berhasil memadamkan api yang sedang bernyala. Dalam gambar ini kelihatan sa-bahagian dari bumbong rumah itu yang telah terbakar.